

PENERIMAAN GURU TERHADAP PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS) DENGAN KOMITMEN GURU DALAM MELAKSANAKAN PBS SEKOLAH RENDAH

*Noraini Mat Loddin & Suhaida Abdul Kadir
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan asas kerangka kajian bagi penerimaan guru terhadap Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dengan komitmen guru dalam melaksanakan PBS di sekolah. Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan satu dasar baru yang dibangunkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk komponen akademik dan bukan akademik. PBS digunakan untuk menyimpan maklumat penguasaan murid dan menjana pelaporan apabila diperlukan. Komponen pentaksiran dikendalikan oleh pihak sekolah yang dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. PBS dibangunkan dengan persekitaran teknologi web-based. Setiap murid yang terlibat dalam pembangunan atau pelaksanaan sistem pentaksiran pendidikan adalah bertanggungjawab menjamin kualiti dan mutu pentaksiran yang dikendalikan. Pentaksiran Berasaskan Sekolah adalah bertujuan penambahbaikan UPSR dimulai dengan Tahun 1 pada 2011 dan PMR dimulai Tingkatan 1 pada 2012.

Kata kunci: Penerimaan Guru; Pentaksiran Berasaskan Sekolah; Komitmen Guru

Pengenalan

Pada zaman teknologi maju kini, kerajaan dan pihak-pihak yang terlibat telah berusaha meningkatkan tahap pendidikan yang berkualiti kepada sesiapa yang ingin meningkatkan tahap pendidikan mereka. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh KPM untuk membina modal insan guru berkualiti dengan hasrat ilmu dan kemahiran yang diliki oleh guru dapat digunakan dalam menjana masyarakat yang berilmu dan bertamadun. Kementerian Pelajaran menjelaskan bahawa Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) adalah satu komponen pentaksiran yang dikendalikan oleh pihak sekolah pentaksiran dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. PBS dirancang, ditadbir, diskor, direkod dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Komponen PBS terdiri daripada Pentaksiran Sekolah, Pentaksiran Pusat, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum dan Pentaksiran Psikometrik (KPM, 2013). Konsep PBS bukanlah sesuatu yang baru, kerana pentaksiran inilah yang selama ini dilaksanakan oleh guru di sekolah (kerja rumah, projek, kuiz, soal-jawab dan lain-lain). PBS yang dicadangkan ini merupakan penambahbaikan kepada PBS yang telah sedia dilaksanakan dengan memperkenalkan pentaksiran merujuk standard dan didokumentasi. Pihak lembaga peperiksaan telah menyediakan sistem aplikasi untuk membantu guru-guru seiring dengan program transformasi negara untuk menghasilkan modal insan yang bertaraf dunia. PBS dilaksanakan di sekolah rendah mulai Tahun 1 pada 2011 dan penambahbaikan UPSR 2016 manakala sekolah menengah pula dimulai Tingkatan 1 pada 2012 dan PMR sepenuhnya pada 2014. Pelaksanaan PBS adalah seiring dengan program transformasi negara untuk menghasilkan modal insan yang bertaraf dunia.

Dalam konteks pendidikan, pentaksiran merupakan satu episode dalam proses pembelajaran yang merangkumi aktiviti menghurai, mengumpul, merekod, memberi skor dan menginterpretasikan maklumat tentang hasil pembelajaran seseorang pelajar bagi tujuan tertentu. (Mohd Farik, 2008). Pentaksiran sekolah merupakan pentaksiran yang dirancang, dibina, ditadbir dan diperiksa dan dilaporkan oleh guru di sekolah yang melibatkan murid, ibu bapa dan organisasi luar (Syed Ismail & Ahmad Subki, 2010).

Penerimaan guru terhadap Pentaksiran Berasaskan Sekolah

Kajian Ting Kung Shiung & Woo Yoke Ling. (2005) mendapati bahawa sikap terhadap komputer adalah satu daripada tiga faktor yang menyumbang kepada penerimaan guru-guru terhadap penggunaan




komputer selain faktor ciri-ciri komputer dan dasar-dasar kritikal yang penting untuk penerima penggunaan komputer.

Abdul Shukor Abdullah (1991) menyatakan bahawa kejayaan atau kegagalan sesebuah sekolah banyak bergantung kepada peranan pentadbir dan pengurusan sekolah yang dipertanggungjawabkan kepada pengetua. Pengetua adalah ketua pemimpin sekolah selalu dikatakan sebagai *the gatekeeper of change*. Peranan mereka bukanlah suatu yang mudah seperti mana diperkatakan, pengetua adalah sebagai kunci kepada perubahan, kerana salah satu indikator yang paling menonjol dalam melaksanakan perubahan pendidikan selain daripada “disalah erti” yang kerap terjadi ialah “salah interpretasi” tentang apa sebenarnya yang dimaksudkan tentang perubahan itu sendiri (Fullan & Stiegelbauer, 1991).

Menurut Moersch (1995), seorang guru akan beralih dari satu peringkat ke satu peringkat berdasarkan penggunaan teknologi dalam P&P. Peningkatan penerimaan teknologi dalam pengajaran akan menyebabkan guru mencapai peringkat yang lebih tinggi dan pengajaran berasaskan guru akan berubah kepada pengajaran berasaskan pelajar. Afifah Hamdzah (2005) juga mendapati beberapa faktor lain yang turut mempengaruhi penerimaan komputer seperti galakan dari pihak pengurusan, penyediaan kemudahan komputer yang mencukupi dan sokongan daripada rakan sekerja.

Rajah 1 : Model Penerimaan Teknologi (TAM)
(Sumber : Davis, Bagozzi & Warshaw 1989)



Technology Acceptance Model (Adapted from Davis, Bagozzi & Warshaw, 1989)

Technology Acceptance Model (TAM)

Technology Acceptance Model (TAM) merupakan adalah satu model yang diperkenalkan untuk menganalisis dan memahami faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan terhadap penggunaan teknologi komputer dalam sesuatu organisasi yang diperkenalkan pertama kali oleh Fred Davis pada tahun 1986. TAM merupakan hasil pengembangan dari *Theory of Reasoned Action (TRA)*, yang lebih dahulu dikembangkan oleh Fishbein dan Ajzen pada 1975. TAM adalah model untuk menjelaskan sebab akibat antara keyakinan iaitu (penggunaan teknologi komputer dan kemudahan penggunaannya) dan perilaku iaitu tujuan/keperluan.

Davis et al. (1989) mendefinisikan persepsi atas kemanfaatan (*perceived usefulness*) sebagai “suatu tingkatan di mana seseorang percaya bahawa menggunakan sistem tersebut dapat meningkatkan kinerja dalam bekerja” (p. 320). Ia juga didefinisikan sebagai suatu keadaan dengan menggunakan teknologi tersebut dapat meningkatkan mutu kerja guru. Sedangkan Marvine Hamner et al. (2008) menambahkan Persepsi atas manfaat untuk diri sendiri (*Perceive Personal Utility*), di mana lebih mengacu pada manfaat yang diperoleh untuk peribadi sedangkan *Perceive Usefulness* mengacu pada manfaat untuk organisasi.

Persepsi atas kemudahan penggunaan (*Perceived ease of use*), secara kontras, mengacu pada “suatu tingkatan di mana seseorang percaya bahawa menggunakan sistem tersebut tak perlu bersusah payah (p. 320). Ini mengikuti definisi dari “mudah” (“*ease*”): “freedom from difficulty or great effort” atau “tidak memiliki kesulitan atau upaya keras. Ia juga didefinisikan sebagai satu keadaan di mana seseorang yakin dengan menggunakan teknologi tersebut dapat meningkatkan mutu kerja tanpa memerlukan kerja kerja serta memudahkan penggunaanya.

Attitude Toward Using dalam TAM dikonsepsikan sebagai sikap adalah pernyataan atau pertimbangan penilaian terhadap objek, orang atau peristiwa (Robbins, 2001). Ini dapat dilihat apabila sikap seseorang terhadap penggunaan sistem yang berbentuk penerimaan atau penolakan apabila menggunakan suatu teknologi dalam pekerjaannya. Peneliti lain menyatakan bahawa faktor sikap (*attitude*) sebagai salah satu aspek yang mempengaruhi perilaku individual. Sikap seseorang terdiri atas unsur kognitif/cara pandang (*cognitive*), afektif (*affective*), dan komponen-komponen yang berkaitan dengan perilaku (*behavioral components*). Manakala *Behavioral Intention to Use* adalah kecenderungan perilaku untuk menggunakan suatu teknologi.

Penggunaan teknologi haruslah dimanfaatkan oleh guru mahupun penggunaanya secara efektif supaya sistem pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dapat di terima dan dikuasai oleh guru dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Penggunaan teknologi dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dapat membantu kerja guru supaya dilaksanakan dengan efektif dan berkesan tanpa ada masalah dalam membuat penilaian terhadap murid.

Kajian-kajian lepas telah banyak melaporkan tentang kepentingan Pentaksiran sekolah dapat membantu proses pembelajaran (Rohaya, 2009). Namun keberkesanannya bergantung sikap, orientasi dan falsafah guru terhadap pelajar dalam proses Pengajaran dan pembelajaran. Black dan William, (1998) dalam laporannya menyatakan bahawa pentaksiran guru merupakan kriteria yang penting dalam memperkayakan pengalaman pembelajaran bagi mencapai tahap pendidikan yang berkualiti.

Komitmen guru dalam melaksanakan PBS

Mengajar adalah pekerjaan yang kompleks dan memerlukan penglibatan daripada guru bukan sahaja dari segi tenaga dan pemikiran malah juga perasaannya (Day, 2004) dalam kajian Mohammad Zohir Ahmad, (2007). Komitmen yang tinggi perlu ada pada setiap guru dalam memberikan yang terbaik kepada pelajar kerana guru berhadapan dengan beban tugas yang semakin banyak dan mencabar (Nias, 1996). Guru haruslah bijak membahagiakan masa dalam menguruskan hal-hal peribadi dan pengajaran di sekolah agar pelaksanaan PBS dapat diuruskan dengan baik.

Menurut Louis, (1998) menjelaskan empat jenis komitmen guru. Pertama, komitmen kepada sekolah sebagai satu unit sosial. Guru yang mempunyai komitmen ini bertanggungjawab terhadap sekolah dan profesionnya dan sedia secara sukarela dengan kerja-kerja tambahan yang akan membantu peningkatan iklim dan peranan sekolah. Kedua, komitmen kepada matlamat akademik sekolah. Guru yang mempunyai komitmen ini memperuntukkan banyak masa dalam kerja-kerja akademik seperti perancangan pengajaran, aktiviti bilik darjah dan sentiasa berfikir tentang cara untuk meningkatkan penglibatan dan pencapaian pelajar. Ketiga, komitmen kepada pelajar sebagai individu yang unik. Guru yang mempunyai komitmen ini akan bermotivasi untuk berurusan dengan penyelesaian masalah pelajar, dan lebih sensitif dan sedar tentang perkembangan pelajar sebagai seorang remaja. Keempat, Komitmen kepada pengetahuan yang diperlukan untuk pengajaran berkesan. Guru jenis akan sentiasa bersedia dengan perubahan-perubahan dan pengetahuan baru dan terkini dan menggabungkan idea-idea baru dalam bilik darjah dan kurikulum. Jika guru memiliki keempat-keempat jenis komitmen ini, maka penerapan dan pengekalan dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) menjadi lebih mudah dan bermakna. Guru-guru ini mudah memahami kehendak sukatan pelajaran dan dapat menyampaikan ilmu kepada murid-murid dengan lebih efektif. Rungutan seperti “bebanan kerja”. “tidak cukup masa” atau pelbagai alasan lain yang boleh mencatatkan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah dapat diminimumkan.

Hasil kajian Abdul Rahim, Ahmad Johari, Jamaluddin & Rosliza (2006) terhadap persepsi guru terhadap profesion perguruan masa kini mendapati bahawa Guru menganggap bahawa kerjaya mereka

sebagai guru adalah satu kerjaya yang mulia, Para guru yang terlibat dalam profesion perguruan ini menganggap bahawa ilmu pengetahuan itu adalah penting dan mereka akan cuba mendapatkan ilmu setinggi yang boleh mengikut kemampuan mereka sendiri, Guru juga menganggap bahawa pekerjaan sebagai guru adalah satu tugas yang mencabar, Guru menganggap sumbangan yang telah mereka berikan kepada masyarakat dan negara adalah besar dan tinggi nilainya. Hasil daripada kajian menjelaskan bahawa para guru mempunyai komitmen yang tinggi terhadap tugas mereka sebagai pendidik dan sanggup menghadiri kursus dalam perkhidmatan dengan tujuan untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam dunia pengajaran.

Kajian Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Sekolah Rendah

Pada tahun 2011 mencatatkan perubahan kepada sistem pendidikan di Malaysia apabila Pentaksiran Berasaskan sekolah (PBS) di perkenalkan kepada murid Tahun 1 sekolah rendah. perubahan yang dimaksudkan adalah perbezaan di antara keadaan semasa dengan sebelumnya (Amir Hassan Dawi, 2006) iaitu penilaian terhadap pelajar telah ditukarkan kepada Pentaksiran Berasaskan Sekolah bagi menggantikan penilaian yang berorientasikan peperiksaan. Pelaksanaan pelbagai perubahan dalam sistem pendidikan sudah pasti menjadikan peranan dan tanggungjawab guru-guru semakin mencabar (Amir Hassan Dawi 2006).

Tonggak kepimpinan Guru Besar atau pengetua mempengaruhi kejayaan sekolah dalam bidang akademik dan juga kokurikulum (Syed Ismail & Ahmad subki, 2010). Oleh yang demikian kepimpinan guru besar dalam pelaksanaan PBS di peringkat sekolah amat diperlukan supaya matlamat dan hala tuju Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan tidak menyimpang dari tujuan asalnya. Kajian Yusof dan Mohd Musa, (2010) terhadap 57 orang Guru Besar sekolah aliran kebangsaan di Daerah Kota Tinggi menunjukkan Guru Besar memahami maklumat berkaitan dengan pelaksanaan PBS dan berkeupayaan menjadi peneraju utama membawa misi dan visi serta mampu merealisasikan dasar Pentaksiran Negara. Sokongan padu guru besar dalam mengetuai pelaksanaan PBS menjadikan PBS sebagai satu sistem yang amat relevan untuk dilaksanakan dan selaras dengan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) yang akan menggantikan sistem peperiksaan yang lama. Faktor jantina dan lokasi sekolah sama ada bandar atau luar bandar bukan faktor penentu dan penghalang dalam menjayakan misi dan visi pelaksanaan PBS. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik.

Kajian yang dijalankan oleh Zurida dan Nooraisa (n.d) adalah untuk mengenal pasti permasalahan yang timbul sepanjang pelaksanaan KSSR pada tahun 2011 dalam aspek menaakul. Data dikumpul melalui temu bual berstruktur. Sampel kajian terdiri daripada 8 orang guru daripada 4 buah sekolah yang mengajar mata pelajaran Sains Tahun satu. Berikut adalah hasil dapatan kajian.

- i. Kesemua guru yang ditemu bual masih kurang jelas tentang konsep menaakul kerana mereka tidak dapat memberi definisi dan maksud menaakul dengan betul.
- ii. Kesemua guru tidak pasti apakah kaedah dan pendekatan yang perlu digunakan oleh mereka semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam usaha untuk menerapkan dan meningkatkan kemahiran menaakul kepada murid-murid.
- iii. Kebanyakan guru menyatakan KSSR ini baik namun penerangan yang lebih jelas dan terperinci perlu diberikan kepada semua guru apa yang sepatutnya dilaksanakan dari segi strategi pengajaran dan pentaksiran dalam usaha mencapai kemahiran 3M iaitu menulis, membaca, mengira dan menaakul. Bagi kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira tiada masalah yang timbul tapi bagi kemahiran menaakul mendapati guru-guru tidak pasti cara untuk menerapkan dan menentukan sejauh mana murid-murid telah menguasai kemahiran tersebut.
- iv. Kebanyakan guru mengharapkan pendedahan dan kursus yang memfokuskan kemahiran menaakul diberikan kepada guru.
- v. Hampir separuh guru menyatakan masa yang Teknologi masa perlu diperuntukkan untuk mengajar penggunaan komputer kepada murid-murid.



Berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terlibat, dapat dirumuskan bahawa penerimaan guru terhadap Pentaksiran Berasaskan Sekolah dengan komitmen guru dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) berdasarkan sorotan kajian di atas, guru perlulah:

(i) Berfikiran Positif dalam melakukan perubahan

Guru sepatutnya sentiasa berfikiran positif terhadap semua inovasi dalam kurikulum yang berkaitan. Penilaian yang berorientasikan peperiksaan telah digantikan kepada Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang di bangunkan oleh Kementerian Pelajaran menjadikan tugas dan tanggungjawab guru semakin mencabar. Guru perlulah bersedia dari pelbagai aspek seperti minat, sikap, penguasaan kemahiran dan pengetahuan dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

(ii) Bersedia untuk meningkatkan pengetahuan pedagogi pengajaran

Guru perlulah tahu berkenaan pengetahuan pedagogi kerana ia akan mempengaruhi pendekatan dan kaedah pengajaran serta penyediaan sumber pengajaran. Guru perlu tahu bagaimana cara untuk menarik minat murid dalam bentuk persembahan, contoh, penjelasan dan pelbagai cara lagi supaya mudah untuk difahami oleh murid. Ini dapat meningkatkan murid untuk berfikir luar daripada kotak dari sumber atau bahan pengajaran yang diberikan oleh guru. Dengan pelaksanaan sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah ini dapat membantu murid meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dari apa yang guru berikan.

(iii) Membuat perancangan

Guru perlulah merancang agar sistem pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan mudah tanpa ada pelbagai masalah tidak cukup masa untuk menyediakan isi yang bersesuaian dengan pembelajaran. Guru harus bijak menguruskan waktu supaya kerja tidak meleret-leret dan boleh disiapkan pada waktu yang telah ditetapkan. Penyediaan maklumat murid adalah penting dalam proses penilaian supaya maklumat murid akan mudah diakses oleh pihak yang terlibat bagi seseorang murid.

Kesimpulan

PBS ialah bentuk pendidikan masa hadapan yang juga berupa ucapan selamat tinggal kepada orientasi peperiksaan yang telah sekian lama mengundang kritikan bertalu-talu. Anjakan paradigma yang berlaku ini bertepatan dengan pesanan Saidina Umar al-Khatib yang menegaskan supaya reka bentuk pendidikan anak-anak wajib berdasarkan keperluan masa hadapan mereka. Pelaksanaan PBS acuan Malaysia bermakna sistem pendidikan dan pentaksiran sentiasa melangkah ke hadapan, manakala segala kebijaksanaan dan pengalaman zaman-berzaman akan tetap dimanfaatkan dalam persekitaran terkini. Cabaran pelaksanaan PBS memang akan sentiasa muncul dari masa ke masa. Kekurangan dan ralat yang masih wujud tidak wajar menjadi alasan untuk pelaksanaan PBS kembali lemah. Murid, guru dan masyarakat berhak untuk memberikan sumbangan terbaik demi masa hadapan bangsa dan negara.

Bibliografi

- Black, P. & Wiliam, D. (1998). *Inside the black box: Raising standards through classroom assessment*. London: School of Education, King College.
- Day, C. (2004). *A Passion for Teaching*. London: RoutledgeFalmer.
- Na'imah Ishak. (2011). School based assessment as transformation in educational assessment. *Keynote dalam International Seminar On Measurement and Evaluation (ICMEE 4) USM, Pulau Pinang, 9-12 Oktober*.
- Nias, J. (1996). Thinking about Feeling: The emotions in Teaching. *Cambridge Journal of Education*, 26(3), 293-306.
- Suzana Abd. Mutalib & Jamil Ahmad. (2012). Penggunaan Teknik Pentaksiran Formatif dalam Subjek Bahasa Melayu Darjah Satu : Kajian Kes. UKM, Selangor.
- Syed Ismail & Ahmad Subki. (2010). Guru dan cabaran semasa Selangor. Multimedia Sdn Bhd.
- Syed Ismail & Ahmad Subki. (2010). Asas Kepimpinan & Perkembangan Professional. Selangor : Multimedia Sdn Bhd.



- Ting Kung Shiung & Woo Yoke Ling. (2005). Penggunaan ICT Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Guru Sekolah Menengah Teknik Dan Vokasional: Sikap Guru, Peranan ICT Dan Kekangan/Cabaran Penggunaan ICT. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Zamri Mahamod & Nor Razah Lim. (2011). Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru Bahasa Melayu: kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 51-65.
- Rasional Pelaksanaan PBS (2013, Oktober 8) Diakses daripada http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1205&sec=Pendidikan&pg=pe_01.htm
- Rohaya Talib. (2009), Kajian pembinaan dan Pengesahan Instrumen bagi mengukur Tahap Literasi Pentaksiran Guru Sekolah Menengah di Malaysia. Dalam <http://eprints.utm.my/13641/7/RohayaTalibPRP2009CHAP1.pdf> diakses pada 2 November 2013.
- Yusof Boon dan Mohd Musa Shahrudin (2011). Kepimpinan Guru Besar Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Di Sekolah Kebangsaan Daerah Kota Tinggi, Johor. UTM, Skudai.

